KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	6/1/2022 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	1&4
JABATAN	:	JPN PAHANG			

Hentikan sementara kegiatan pembalakan

BH 7.1.2022_1

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan diminta mengisytiharkan moratorium pembalakan bagi menghentikan sementara kegiatan itu susulan banjir puing yang membawa timbunan kayu balak seperti berlaku di beberapa negeri, baru-baru ini.

Pengerusi Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA), Hafizuddin Nasaruddin, berkata pengisytiharan moratorium itu penting bagi memberi ruang kepada kerajaan untuk meneliti semula dan melakukan 'bedah siasat' terhadap kelemahan atau penambahbaikan dasar sedia ada.

Beliau berkata, antara perkara yang harus diberi tumpuan kerajaan ialah berhubung zon dibenarkan pembalakan, kaedah pembalakan, penguatkuasaan serta penyelarasan dasar antara kerajaan Pusat dan negeri.

"Banyak benda kita kena reform (buat pembaharuan semula). Kami mohon kerajaan isytiharkan moratorium, berhentikan pembalakan dulu sementara kita tengok balik dasar-dasar sedia ada.

"Apabila kita isytihar moratorium pembalakan, kita perlu lihat balik di manakah kelemahan selama ini," katanya kepada *BH* semalam.

Beliau mengulas laporan muka depan akhbar ini semalam mengenai berlaku ribuan gelinciran tanah dan aliran puing di Banjaran Titiwangsa ekoran hujan lebat luar biasa sehingga menjadi punca banjir puing yang membadai kawasan penempatan penduduk sekitar Hulu Langat, Selangor dan Bentong, Pahang, kira-kira dua minggu lalu.

Ia berdasarkan tinjauan udara lebih dua jam dilakukan Pakar Geologi, Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo di sepanjang lembangan Sungai Langat, Sungai Benus, Sungai Pertak, Sungai Timbul, Sungai Kerau, Sungai Telemung dan Sungai Bentung.

Puing merujuk kepada bahan runtuhan akibat gelinciran tanah, terdiri daripada bongkah batuan, kerikil, pasir, lodak, lumpur dan tumbuh-tumbuhan seperti kayu-kayan serta bahan sepanjang tebing sungai termasuk kayu, daun yang reput dan bahan daripada binaan manusia.

Nasional 4

Perluas zon dilindungi pembalakan hutan simpan

Dari Muka 1

Dr Ibrahim yang juga Ketua Kluster Alam Sekitar dan Kelestarian, Akademi Profesor Malaysia (APM), berkata tinjauan turut mendapati semua jenis guna tanah di kawasan cerun curam, terbabit dengan kejadian gelinciran tanah dan aliran puing berkenaan.

Antaranya ia membabitkan hutan tadahan air, hutan sekunder dan kawasan pertanian seperti getah, kelapa sawit serta buah-buahan.

Mengulas lanjut, Hafizuddin berpendapat sampai masanya zon dilindungi pembalakan di hutan simpan diperluaskan lagi daripada 40 peratus ketika ini kepada 60 hingga 70 peratus.

"Kedua, kita tak boleh lagi lakukan pembalakan di hutan simpan dengan menebang habis pokok. Saya tidak ada masalah dengan pembalakan selagi mana pembalakan itu bersifat selektif, lestari dan ada usaha penanaman semula hutan.

"Selain itu, jangan lakukan pembalakan di kawasan sensitif. Untuk kenal pasti kawasan itu sensitif atau tidak, kita kena dapatkan khidmat perunding yang menyeluruh serta pandangan pakar geologi, pakar kejuruteraan dan input penduduk setempat supaya dapat kekang impak kejadian banjir teruk," katanya.

Mengenai penguatkuasaan, beliau berkata, sekiranya terdapat kelemahan agensi tertentu dengan memberikan alasan kononnya tidak mencukupi kakitangan, agensi terbabit sepatutnya menjalinkan kerjasama dengan masyarakat setempat, termasuk Orang Asli.

"Mereka ini dapat jadi pemantau ketiga sebagai mata dan telinga untuk melaporkan kegiatan pembalakan haram atau yang melanggar garis panduan ditetapkan," katanya.

Hafizuddin turut menyentuh isu penyelarasan yang lemah antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri antara punca sesuatu dasar atau perancangan yang dirangka pada peringkat pusat seperti dibakul-sampahkan.

Katanya, meskipun Kerajaan Persekutuan tiada kuasa dalam pengurusan hutan, air dan sumber asli di negeri, dasar atau perancangan yang bagus sebagai garis panduan seharusnya ikuti.



Kenderaan terperangkap di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak akibat kejadian tanah runtuh dan pokok tumbang, baru-baru ini. (Foto Aswadi Alias/BH)

"Kita ada Rancangan Fizikal Negara yang memperincikan mengenai kawasan mana boleh dibuat pembangunan, kawasan yang perlu dilindungi atau kawasan sensitif yang dilarang seperti di kawasan cerun dan tanah tinggi.

"Rancangan Fizikal Negara ini dibuat di peringkat Persekutuan tetapi di peringkat negeri mereka tak ikut. Ada (kerajaan negeri) tak menghormati dasar yang dibuat di peringkat Persekutuan.

"Justeru, kita lihat banyak berlaku di peringkat negeri, banyak kawasan pembalakan diluluskan di kawasan sensitif alam sekitar yang diletakkan di bawah kategori dua dan satu," katanya.

Hujan lebat berterusan lebih 48 jam yang melanda lapan negeri pada 18 Disember lalu menyebabkan ribuan penduduk terperangkap, manakala hampir 60,000 lagi terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS).

Bencana luar jangka itu turut mengakibatkan banyak sektor perniagaan terjejas, selain mengalami kerugian membabitkan jumlah yang besar.

Malah, banjir yang melanda Hulu Langat ibarat dibadai tsunami apabila penduduk sekitar menyifatkan bencana kali ini lebih teruk berbanding banjir besar yang pernah melanda pada 1970-an.

Di **Pahang** pula, banjir yang melanda membawa bersama ribuan kayu dan balak memenuhi alur Sungai Temelong, dekat Karak, Bentong, manakala ratusan kenderaan terperangkap di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) akibat kejadian tanah runtuh dan pokok tumbang.

Biarpun Jabatan Perhutanan Pahang mengesahkan tiada aktiviti pembalakan secara sah atau haram di kawasan berkenaan, Menteri Besarnya, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, mengarahkan agensi terbabit menyiasat dan memberikan laporan berkaitan banjir lumpur bercampur batang kayu hanyut itu.

BH 6.1.2022_4